

PERUBAHAN PROFIL PANTAI DAN CIRI
ENDAPAN DI SEPANJANG PANTAI KUALA
TERENGGANU

AZWARI BIN HJ. ISMAIL

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU

1998

**PERUBAHAN PROFIL PANTAI DAN CIRI ENDAPAN DI SEPANJANG
PANTAI KUALA TERENGGANU**

OLEH

AZWARI BIN HJ. ISMAIL

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains (Sains Samudera)

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU**

1998

1100024048

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya maka dapat saya menyiapkan projek tahun akhir saya yang penuh dengan cabaran dan dugaan ini. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada En. Rosnan Yaacob selaku penyelia pertama dan Dr. Mohd Lokman Husain selaku penyelia kedua di atas tunjuk ajar, bimbingan, saranan, pandangan dan galakan yang amat berguna dalam menyiapkan projek ini.

Teristimewa buat keluarga di Kelantan, terutama sekali buat ibu dan abah tersayang, jutaan terima kasih di atas dorongan, galakan dan bimbingan, abang-abang, adik-adik serta rakan-rakan yang telah banyak memberikan sokongan sepenuhnya semasa Wayi berada di UPM ini.

Ribuan terima kasih kepada Tuan Hj. Sukiman, En. Raja Razali dan juga pegawai-pegawai UPM Terengganu yang lain yang banyak memberi pertolongan samada dari segi bantuan teknikal dan pandangan bernas untuk menjayakan projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang membantu dalam menyiapkan projek ini terutama sekali Towok, Bidin, Pok Jit, Mat Jep, Khush, Ben, Jele, Cinto, dan juga 'housemate', Cali, Pakadin, Jehe, Porter dan Hisyam yang banyak bersabar dengan kerenah saya. Tidak lupa kepada rakan-rakan '*desprado*', yang sama-sama menghadapi pahit getir hidup di perantauan, selamat bergraduasi.

Akhir kata, terima kasih semua.

Wassalam

Azwari Bin Hj. Ismail

ABSTRAK

Pengambilan data profil pantai dilakukan sebanyak lima kali, bermula pada bulan Julai 1997 hingga bulan November 1997. Kedudukan kawasan kajian adalah di sepanjang Pantai Kuala Terengganu bermula dari stesen UPM hingga stesen Rhu Dua di mana sebelas buah stesen kajian telah dipilih.

Daripada keputusan, perubahan bulanan profil Pantai Kuala Terengganu adalah tidak stabil dengan hakisan berlaku bagi stesen UPM, Tok Jembal, Lapangan Terbang, Seberang Takir, Sek. Sultan Sulaiman dan Rhu Dua apabila menghampiri bulan November. Stesen Teluk Ketapang dan stesen Primula berkecerunan menurun apabila menghampiri bulan November, manakala stesen Batu Buruk mempunyai profil pantai yang stabil sepanjang tempoh kajian.

Bagi nilai min saiz endapan dan penyisihan, julat adalah diantara -0.0175 phi hingga 2.3145 phi dan 0.456 phi hingga 2.22725 phi. Analisa statistik menunjukkan terdapat perbezaan bererti antara perubahan bulanan dan antara stesen-stesen kajian. Julat nilai kepencongan ialah -1.49575 hingga 1.12533 . Daripada analisa statistik didapati tiada perbezaan bererti antara perubahan bulanan dan stesen-stesen kajian.

Kesimpulan kajian ini ialah terdapat perubahan profil pantai yang korelasi dengan perubahan ciri-ciri endapan di sepanjang Pantai Kuala Terengganu

ABSTRACT

The beach profil data was measured five times from the month of July, 1997 to November, 1997. Study area consisted of the whole length of Kuala Terengganu beaches, from UPM until Rhu Dua stations where eleven stations were established in this study.

The results indicate that the monthly changes of beach profile at Kuala Terengganu are unstable with erosion occurring at UPM, Tok Jembal, Lapangan Terbang, Seberang Takir, Sek. Sultan Sulaiman and Rhu Dua stations toward the month of November. Teluk Ketapang and Primula stations reveal that the slope are declining when it is approaching the month of November, while Batu Buruk station has a stable beach profile throughout this study.

For the mean size and sorting value, the ranges found are between -0.0175 phi to 2.3145 phi and 0.456 phi to 2.22725 phi. Statistical analysis shows that there is significant deference in the monthly and the stations changes. The range for skewness value were -1.49575 phi till 1.12533 phi. Statistical analysis shows that there is no significant difference in the monthly and the stations changes.

The conclusion of this study is there are a correlation changes in beach profile with changes in sediment characteristic for the Kuala Terengganu Beach.